



16 FEB, 2024

## Sarawak FAMA Fest 2024 di Miri 1-4 Mac ini

Utusan Sarawak, Malaysia



**MENU PILIHAN...** Yang di-Pertua Negeri Tun Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi bersarapan di Kafe Tok Janggut, pagi semalam. Tun Dr. Wan Junaidi berkata, Mi Rojak Ayam Spesial Tok Janggut antara menu pilihan peribadi yang digemari beliau.

# Sarawak FAMA Fest 2024 di Miri 1-4 Mac ini

**AZREEN KERIA**

**KUCHING:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengadakan Sarawak Fama Fest (SAFF) 2024 di Bintang Megamall di Miri pada 1 hingga 4 Mac ini dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pengarah FAMA Sarawak Ramli Mat Sani berkata, Fama Sarawak menyasarkan seramai 25,000 pengunjung (Sekitar Miri dan Negara Brunei) dengan jumlah jualan usahawan untuk 4 hari sebanyak RM500,000.

"Pada kali ini FAMA menghimpunkan seramai 34 Usahawan pemasar yang terdiri daripada Usahawan tempatan Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Usahawan yang dijemput adalah dari kategori 3 hingga 5 (Nilai Jualan RM100,000 hingga RM15 juta) yang mana ianya sudah bersedia untuk memenuhi keperluan dan kehendak pasaran dalam dan luar negara. Maksudnya adalah yang telah bersedia untuk Eksport," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

mengadakan sidang media FAMA Fest 2024 di Pejabat FAMA semalam.

Festival itu juga akan menampilkan produk import kerana Fama Sarawak telah menjemput ejen import dari Thailand, Hong Kong dan Brunei.

"Selain itu juga, Pihak FAMA juga akan mengadakan Jualan Agro MADANI dan juga akan mengadakan jualan (Happy Hour) bagi produk Usahawan dan barangan segar untuk mendapatkan harga yang terbaik pada masa tersebut.

"FAMA juga menyasarkan sebanyak 15MT jualan segar berupa buah-buahan dan sayur-sayuran sepanjang program ini berlangsung.

"...Dan FAMA berharap dengan adanya program ini, ianya dapat menonjolkan fungsi dan peranan sebenar yang dimainkan oleh kami," jelasnya.

Untuk rekod, FAMA Fest 2024 merupakan program edisi yang ketiga FAMA setelah dilaksanakan kali pertama pada 2019.



**KENANGAN...** Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak Ramli Mat Sani Haşan bersama pegawai beliau menunjukkan poster Fama Fest 2024 kepada para jurugambar selepas sesi sidang akhbar di Pejabat FAMA Sarawak, Kuching semalam. • Foto ANDRE OLIVEIRO



16 FEB, 2024

## Sarawak FAMA Fest 2024 di Miri 1-4 Mac ini

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengadakan Sarawak Fama Fest (SAFF) 2024 di Bintang Megamall di Miri pada 1 hingga 4 Mac ini dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Pengarah FAMA Sarawak Ramii Mat Sani berkata, Fama Sarawak menyasarkan seramai 25,000 pengunjung (Sekitar Miri dan Negara Brunei") dengan jumlah jualan usahawan untuk 4 hdri sebanyak RM500.000.